

Maklumat Yang Dimohon:

Usaha yang telah dilakukan untuk memastikan ketersambungan di antara Seberang Perai dan Pulau Pinang seperti yang telah digariskan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang pada tahun 2021 – 2022.

Maklum Balas:

Di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP), Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membina sebuah sistem transit aliran ringan (LRT) iaitu **LRT Bayan Lepas** yang menghubungkan Komtar di George Town dengan projek Penang South Islands (PSI) yang juga dicadangkan oleh Kerajaan Negeri.

Pelaksanaan komponen ini masih pada peringkat mendapatkan kelulusan penuh daripada kerajaan persekutuan yang bergantung kepada kelulusan projek PSI memandangkan depot LRT akan terletak di Pulau A. Sementara menunggu kelulusan PSI, Kerajaan Negeri sedang menjalankan proses *Request for Proposal (RFP)* untuk menjemput syarikat-syarikat yang berminat untuk mengemukakan cadangan pelaksanaan dan pembiayaan pembinaan dan pengoperasian LRT Bayan Lepas.

Sila rujuk artikel berita ini: <https://www.utusan.com.my/berita/2022/08/tempoh-prakelayakan-projek-lrt-bayan-lepas-dilanjutkan/>

LRT Bayan Lepas adalah langkah pertama dalam usaha memperkenalkan sistem keretapi di bahagian pulau sebagai strategi untuk menangani masalah kesesakan jalan raya, khususnya di kawasan pembangunan yang pesat seperti Bayan Lepas. Jajaran ini akan melalui lokasi-lokasi penting seperti Universiti Sains Malaysia, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan kawasan perindustrian bebas Bayan Lepas dengan kekerapan perkhidmatan 4 minit.

Setelah jajaran LRT Komtar ke pulau PSI disempurnakan, perkhidmatan LRT ini akan diperluaskan ke kawasan-kawasan lain di Pulau Pinang, termasuk Seberang Perai.

Untuk maklumat lanjut mengenai LRT Bayan Lepas dan laluan lain yang dicadangkan untuk fasa-fasa yang seterusnya, sila rujuk: <https://penanginfra.com/pengangkutan-awam/?lang=ms#bayanlepas-rail>

Laluan George Town - Butterworth ini hanya dapat dilaksanakan selepas pelaksanaan LRT Bayan Lepas selesai dan beroperasi. Cadangan laluan yang merentasi laut ini masih tertakluk kepada kajian lebih lanjut, semakan dan kelulusan pihak berkuasa yang akan mengambil kira faktor-faktor seperti kebolehlaksanaan (*feasibility*), bilangan penumpang, kebolehbinaan, kos dan lain-lain.

Maklumat mengenai jajaran cadangan ini yang sedia ada adalah seperti yang berikut:

Ciri-ciri komponen	Butiran
Jarak	18km
Bilangan stesen dan lokasi cadangan	8 stesen di: <ul style="list-style-type: none">- The Light (di bahagian pulau)- Perai Selatan- Perai Utara- Taman Supreme- Taman Perai Utama- Penang Sentral- Chain Ferry- Sungai Nyiur

Pada masa depan, cadangan laluan ini akan diintegrasikan dengan cadangan laluan lain di Seberang Perai seperti Laluan Raja Uda – Bukit Mertajam dan Laluan Permatang Tinggi – Batu Kawan yang bertujuan menambah baik perkhidmatan awam di kawasan-kawasan yang banyak penduduk seperti Butterworth, Seberang Jaya dan Bukit Mertajam; serta kawasan perindustrian seperti Permatang Tinggi, Bukit Minyak dan Batu Kawan.

Kesemua komponen yang dicadangkan ini akan mengambil masa untuk dilaksanakan di bawah PTMP yang merupakan pelan jangka masa panjang untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang untuk tempoh sekurang-kurangnya 30 tahun. Untuk maklumat lanjut mengenai PTMP secara keseluruhan, sila layar: <https://penanginfra.com/keseluruhan-ptmp/?lang=ms>